

05/01/2000

Fahami tujuan sebenar pemilihan

IMEJ dan identiti Umno selama ini terletak kepada teras kesepakatan dan perpaduannya. Kesepakatan ini sungguh berharga dan amat bermakna kepada Umno. Dengan kebijaksanaan dan toleransi kepemimpinan parti, Umno mampu meneruskan agenda perjuangan agama dan bangsa tanpa sebarang halangan. Proses pemilihan Umno tahun ini nampaknya hanya akan menyaksikan pertandingan Naib Presiden dan Majlis Tertinggi (MT). Mesyuarat MT kelmarin mengesyorkan dua jawatan tertinggi parti tidak dipertandingkan. Kita yakin ahli Umno akur kehendak MT itu dan akan dipatuhi di peringkat cawangan dan bahagian. Syor itu jelas menunjukkan Umno tidak mahu sebarang keretakan dan perpecahan dalam proses memilih pemimpin. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan ditentang oleh mana-mana calon walaupun ia dibenarkan oleh perlembagaan, manakala sokongan padu diberikan kepada naib presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang berjaya menjalankan tugas Timbalan Presiden dengan baik.

Syor MT itu juga memperjelaskan hierarki kepemimpinan parti dan seterusnya dalam pentadbiran negara. Jika ada pihak yang mahu melihat krisis berlaku dalam Umno kali ini, mereka harus melupakan saja harapan itu. Syor supaya tiada pertandingan mengukuhkan lagi perpaduan Umno. Dalam mana pertubuhan atau pemerintahan sesebuah negara, perpecahan pasti berlaku jika dua pihak bersaing. Tetapi, sebagai bangsa yang pernah dijajah dan bersatu berjuang untuk mengecap kemerdekaan, amat mengaibkan jika Umno hari ini merobohkan sendiri benteng perpaduan yang dibajainya selama ini kerana mahu berebut jawatan. Kita yakin, jika perebutan jawatan diselesaikan mengikut saluran persefahaman tinggi, kematangan dan kewibawaan pemimpin serta ahli Umno akan lebih terserlah dan disegani.

Seperti hukum alam, hukum berpolitik juga memaktubkan pemimpin datang dan pergi apabila tiba masanya. Namun matlamat perjuangan membela bangsa mesti kekal sebagai sesuatu yang hakiki. Lantas, perebutan hanya menimbulkan percakaran. Perlu diingat sebarang kepincangan dalam Umno yang menjadi tulang belakang politik negara, pasti memberi kesan kepada kestabilan Malaysia. Jika berlaku pertandingan dalam suasana keluarga sekali pun, sedikit sebanyak wujud perasaan gusar sehingga Umno terpaksa merapatkan semula jurang perbezaan yang timbul ketika berkempen. Jika retaknya besar kerana berebut jawatan, sudah pasti usaha mencantumkannya semula mengambil masa panjang dan sukar.

Dalam memilih ketua, ahli Umno sentiasa bersikap terbuka. Lantaran itu, tidak harus ada suara sumbang mencerca kononnya Umno tidak lagi mengamalkan demokrasi kerana pemilihan pemimpinnya kali ini bukan ditentukan suara ramai. Walaupun tiada pertandingan, tidak bermakna demokrasi dalam Umno terkubur. Selepas MT, cawangan dan bahagian Umno juga akan membuat keputusan supaya pertandingan nombor satu dan dua dielakkan. Ini bermakna mereka sudah membuat keputusan secara demokrasi. Mereka memilih "demokrasi tanpa pemilihan" kerana parti menganggap pemilihan pada masa tertentu, tidak diperlukan. Ramai sudah menyuarakan hasrat bertanding jawatan naib presiden. Manakala penyandang menyatakan kesediaan dicalonkan semula. Apapun, pertandingan dalam Umno sering dilihat sebagai proses menawarkan diri untuk berkhidmat kepada parti. Disebabkan pertandingan ditentukan oleh pencalonan yang bermula di cawangan dan bahagian, kemungkinan berlakunya kempen kotor tidak boleh dinafikan. Bagaimanapun, ahli Umno sedar kempen yang mendedahkan pekung di dada hanya memberi kesempatan kepada pembangkang menyerlahkan lagi kelemahan Umno di mata

semua. Inilah kesempatan terbaik pembangkang memasang telinga dan memerangkap setiap kenyataan calon yang bertanding sama ada benar atau tidak. Semua ini boleh menjadi senjata makan tuan. Oleh itu, ahli perlu berfikir bahawa sebarang kempen buruk semata-mata mahu menjamin kemenangan calon tertentu, tidak akan menguntungkan Umno.

Kemenangan oleh calon yang menggunakan cara kotor hanyalah satu kemenangan kosong. Manakala jika kemenangan masih berpihak pada calon yang tidak berkeupayaan dan berkebolehan, ia sekadar kemenangan untuk terus meletakkan pemimpin lemah dalam Umno. Sehubungan itu, ahli Umno perlu memahami tujuan sebenar pemilihan dan mengikis anggapan bahawa pemilihan sekadar membolehkan orang tertentu mendapatkan tempat dalam parti. Ahli perlu memahami makna sebenar demokrasi ialah memberi peluang seluas-luasnya kepada mereka memilih pemimpin berwibawa dan berkebolehan, bukan untuk memecahkan-belahkan kekuatan parti dan kesepakatan ahli.

(END)